

05 JUL 2002

Ghani-Felda

PENEROKA FELDA DISARAN GUNA KONSEP PINTAR JAYAKAN PROJEK PERTANIAN

JOHOR BAHRU, 5 Julai (Bernama) -- Peneroka Felda di Johor disaran guna konsep perkongsian pintar dalam mengusahakan semula tanah mereka dengan projek pertanian pada skala besar.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman hari ini berkata, langkah itu perlu memandangkan Johor kini tidak lagi membuka kawasan tanah baru secara meluas untuk tujuan pertanian demi menjaga kawasan tadahan air di negeri ini.

"Kita begitu komited untuk mengekalkan 18 peratus atau 42,000 hektar kawasan hutan kekal yang menjadi kawasan takungan air," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Johor di Dataran Bandaraya di sini.

Abdul Ghani berkata cadangan mengubah status tanah tanaman kelapa sawit di rancangan tanah Felda di negeri ini kepada pertanian telah dikemukakan kepada pengurusan Felda untuk dipertimbangkan.

"Kalau tanah mereka (Felda) diubahsuai kepada perladangan berskala besar dengan menggunakan teknologi pertanian moden sudah pasti impian Johor untuk menjadi pengeluar utama produk pertanian khususnya makanan, sayur-sayuran dan buhan-buahan akan tercapai," katanya.

Sebelum ini, katanya, Kerajaan Negeri sudah mengagihkan tanah miliknya lebih 12,000 hektar kepada pelbagai agensi termasuk Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan pihak swasta untuk dimajukan secara komersil.

Beliau juga menggesa pengusaha pertanian memberi penekanan kepada industri hiliran berasaskan pertanian dalam usahanya mempelbagaikan produk pengeluaran yang mempunyai nilai tambah bagi memenuhi pasaran yang lebih meluas.

"Kita perlu membuat satu perubahan dalam sektor pertanian khususnya pengeluaran makanan memandangkan sektor terbabit mampu memberi pulangan yang menguntungkan kepada pembangunan ekonomi negara, selain pembangunan industri," katanya.

Abdul Ghani berkata Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM50 juta setahun bagi menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur dan program pembangunan pertanian khususnya dalam pengeluaran makanan.

Peladang juga perlu bersedia menghadapi cabaran Afta dengan menghasilkan produk pertanian berkualiti dan bebas daripada penggunaan bahan kimia.

Mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Kerajaan Negeri mengamalkan dasar seiring dengan Kerajaan Pusat dan melaksanakan kerja secara "hands on", Abdul Ghani berkata Kerajaan Negeri sememangnya mempraktikkan dasar itu dalam melaksanakan pembangunannya di negeri ini.

"Kerajaan Negeri sentiasa memantau setiap kerja pembangunannya dan tindakan susulan akan diambil bagi memastikan tidak timbul sebarang permasalahan," katanya.

Sebaliknya, kata beliau, setiap exco Kerajaan Negeri perlu turun ke padang dan tidak hanya menyerahkan tugas kepada pegawai kerajaan semata-mata dengan meneliti laporan mesyuarat bagi memastikan sesuatu projek itu berjalan lancar.

-- BERNAMA

BH PR